

Hari mengundi dijamin aman

27

28 NOV 1999

BUTTERWORTH 27 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini memberi jaminan pengundian bagi pilihan raya umum Isnin ini akan berlangsung dalam suasana aman.

Beliau berkata, polis Malaysia sudah cukup berpengalaman dalam menghadapi musim pilihan raya dan mereka akan memastikan setiap rakyat di negara ini dapat keluar mengundi dengan selamat.

"Jika ada yang cuba mengganggu perjalanan proses pengundian, polis sudah pasti akan mengambil tindakan," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Politeknik Seberang Perai, di sini hari ini.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, para penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim berkemungkinan mengganggu perjalanan hari mengundi jika mereka merasakan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak mempunyai peluang untuk menang.

"Saya tahu penyokong-penyokong Anwar cukup pandai dalam hal-hal berkaitan demonstrasi ini, jadi kemungkinan untuk berdemonstrasi itu ada jika mereka rasa mereka akan kalah," ujarnya.

Mengenai tindakan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr. Wan Azizah meminta bantuan asing, Perdana Menteri berkata, rakyat tidak suka kepada calon yang meminta pertolongan dari negara luar.

Dr. Mahathir berkata, tiada apa pun yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia kepada parti-parti yang meminta bantuan asing.

"Kita boleh buat lebih baik untuk diri dan negara kita tanpa bantuan luar.

"Pemikiran kita sendiri jangan sesekali bergantung kepada bantuan luar kerana kalau kita selalu bergantung kepada orang lain, kita tidak lagi dihormati," ujarnya.

Kepada satu soalan Dr. Mahathir berkata, Wan Azizah membawa sekali anak-anaknya dalam berkempen bagi menimbulkan rasa simpati di kalangan para pengundi wanita.

Katanya, Presiden Parti Keadilan itu akan bercerita tentang nasib anak-anaknya yang tidak mempunyai ayah dan dia sendiri yang tidak mempunyai suami bagi menagih simpati para pengundi.

"Sudah tentu apabila orang mendengar cerita-cerita sedemikian, mereka akan merasa simpati dan sedikit emosional," ujarnya.

Bagaimanapun kata Dr. Mahathir, pembangkang sudah tidak mempunyai isu lagi untuk mempengaruhi rakyat agar tidak menyokong kerajaan.

Oleh kerana itulah kata Perdana Menteri, parti-parti pembangkang cuba menimbulkan perasaan benci rakyat kepada beliau dengan cara membakar hati rak-

yat melalui penyebaran cerita-cerita fitnah berkaitan dengan diri dan keluarganya.

"Mereka berbuat demikian agar rakyat tidak mengundi BN. Inilah yang biasa pemimpin pem-

bangkang seperti Lim Kit Siang dan Karpal Singh lakukan," tegasnya.